

# Dasar baru beli peralatan tentera

BH 21 MAR 2002

WARSAW, Rabu - Semua pembelian kelengkapan pertahanan akan dikaitkan dengan tawaran komersial yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata dasar baru itu akan diguna pakai bagi semua perancangan Kementerian Pertahanan, dalam usaha memodenkan kelengkapan angkatan tentera negara.

Najib yang tiba di sini malam semalam, untuk menyertai rombongan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menilai kebolehan kereta perisai PT91 yang sedang dikaji untuk melengkapi empat pasukan Kor Armor Diraja Tentera Darat.

Beliau hari ini mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Poland Jerzy Szmajdzinski dan melawat kilang membuat kereta perisai PT91 di Gliwice-Latedy kira-kira 400 kilometer dari sini.

Satu pasukan daripada Kor Armor sudah berada di Gliwice-Latedy untuk menilai kesesuaian PT91 untuk keperluan pertahanan negara.

Najib berkata, mereka bersedia memberikan pandangan kebolehan kereta perisai berdasarkan prestasi, ketahanan, enjin, had laju, persenjataan, dan ciri lain.